

Isu buang bayi tak terkawal

SINAR HARIAN 18/03/2019 M/S 20

*Kaedah
pembuangan bayi
semakin ekstrem
asalkan malu
dapat ditutup*

Apakah pandangan Dr mengenai gejala buang bayi yang dilihat semakin ekstrem sehingga sanggup membunuh anak sendiri?

Sebenarnya isu buang bayi bukan sesuatu perkara baru tapi

Zalim dan tidak berperikemanusiaan apabila saban hari dada akhbar melaporkan kes buang bayi dengan keadaan tragis dan menyayat hati.

Ditinggalkan di tangga masjid mungkin bayi itu bernasib baik, tetapi jika disumbat di dalam tong sampah, mangkuk tandas hinggalah ke dalam beg sekolah kemudian dizip dan dicampakkan!

Kaedah pembuangan bayi ini dilihat semakin ekstrem sehingga sanggup membunuh sedangkan banyak saluran yang boleh digunakan untuk membantu ibu dan bayi tidak berdosa ini.

Timbul persoalan adakah si pelaku itu benar-benar dalam keadaan terdesak atau tidak berkemampuan atau tidak mahu bertanggungjawab dengan anak yang dilahirkan tanpa kerelaan.

Ikuti wawancara wartawan Sinar Harian, NORAFIZA JAAFAR bersama Pensyarah Senior (Kaunseling) Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Roslee Ahmad merungkai gejala tidak bermoral dan tidak sihat yang semakin merebak dalam masyarakat kita.



berpanjangan dan dah ada sejak dulu lagi cuma tidak dihebahkan.

Apabila dunia semakin maju, isu seperti ini tidak dapat disorokkan lagi dan jika tidak dilaporkan dimedia arus perdana, perkara itu akan bocor di media sosial, ditularkan dan mendapat perhatian umum.

Tambahan pula, isu buang bayi ini adalah hal yang dekat dengan naluri insaniah, bila ada kes jumpa mayat bayi dalam tong sampah, dibuang dalam mangkuk tandas itu adalah perkara luar biasa yang jarang berlaku, yang tidak dilakukan mereka yang mempunyai akal waras.

Apakah sebab banyaknya kes seperti ini dan kebanyakan pelaku adalah dalam kategori bawah umur atau awal 20-an?

Banyak punca berlakunya gejala ini yang dikaitkan dengan isu sosial, ekonomi dan politik.

Pergaulan bebas didorong masalah keluarga banyak menyumbang kepada isu sosial dalam kalangan remaja yang tersilap langkah lalu tidak bersedia ber-

tanggungjawab dan dah ada sejak keputusan di luar kawalan.

Disebabkan masalah keluarga, mereka kurang kasih sayang merasakan diri terabai dan bertindak bersendirian sehingga ke tahap nekad tanpa memikirkan kesan dari perbuatan mereka.

Adakah sipelaku dengan niat membunuh, membuang bayi itu walaupun banyak saluran boleh digunakan bagi membenarkan bayi itu terus hidup meskipun bukan di bawah penjagaan ibu bapa kandung?

Faktor tidak matang dan tidak ada sifat mahu bertanggungjawab punca mereka mengambil jalan mudah dengan menghapuskan bayi itu daripada membuat pilihan yang tepat seperti menyerahkannya kepada keluarga angkat atau JKM.

Boleh dikatakan mereka mahu lepas tangan, buang dengan niat kerana tempoh sembilan bulan (waktu mengandung) dianggap cukup untuk memi-

kirkan masa depan bayi tersebut, mungkin tiada sokongan atau depresi penyebab pelaku hilang pertimbangan.

Dia tak kisah apa bakal berlaku kerana yang penting bagi mereka adalah dapat melepaskan diri sendiri, dapat hidup seperti orang biasa walaupun tahu mengandung luar nikah satu kesalahan tapi tak anggap dosa sebab faktor tidak matang.

Adakah pelaku insaf dengan perbuatan kejam dilakukan terhadap bayi yang menjadi mangsa kesilapan mereka?

Disebabkan usia mereka yang masih mentah, proses untuk insaf akan perbuatan terlanjur, mengandung anak luar nikah, buang bayi itu mungkin perlahan didorong dengan sikap yang hanya tahu berseronok tanpa memikirkan kesan yang mendatang.

Dia insaf tapi tidak secara pe-

nuh, namun peredaran masa dan meningkatnya usia akan disertai kematangan yang menyebabkan perasaan itu datang, menyesal dengan perbuatan yang dilakukan dan tahu erti dosa.

Kenapa mereka berani melakukan sesuatu yang nyata salah, adakah mereka tidak takut dengan undang-undang Malaysia masih longgar dari sudut perundangan melibatkan seks bebas dan LGBT. Mungkin kerajaan kurang prihatin dalam isu?

Mungkin boleh dicadangkan aspek nilai diberikan merit yang perlu dimulakan peringkat sekolah untuk melayakkan seseorang pelajar itu diterima masuk untuk melanjutkan pengajian serta di sektor pekerjaan

Di luar negara mereka mempunyai aspek nilai atau ketamadunan yang lebih tinggi. Kalau dia tidak mahu anak, mereka tak

buang tetapi dengan meletakkannya di tempat yang betul. Itu tidak berlaku di Malaysia dan belum ke arah itu, proses kesedaran sedikit lambat menyebabkan hal itu diambil mu-

dan tak nak baya jadi dibuang. Menteri kena ambil peranan melalui penguatkuasaan lebih tegas, mengikut cara kita dan media juga perlu ambil peranan dengan meningkatkan kesedaran.

Wajarkah pelaku ini dihukum dengan hukuman yang berat?

Hukuman itu perlu tapi biarlah mengikut kesesuaian jika masih remaja lebih baik ditumpukan kepada pemulihan dan peluang di sudut akademik dengan membantu mereka berjaya, mampu mengubah masa depan.

Pada pandangan saya, mengamalkan hukuman sebat di tempat awam seperti di lakukan di Aceh tidak sesuai kerana perlu mengambil kira populasi masyarakat sendiri.

Di sini pentingnya peranan Jakim memainkan langkah proaktif sebagai dengan wujudkan meja bulat memanggil semua wakil kaum untuk bincangkan resolusi terbaik menangani isu tersebut bersesuaian dengan ruang lingkup dalam negara.

Apakah yang boleh dilakukan bagi menangani permasalahan ini?

Di sini pentingnya peranan keluarga untuk memberikan sokongan dan membantu anak-anak yang terlanjur untuk berfikir rasional dan insaf dengan perbuatan yang dilakukan.

Perbanyakkan pusat sehati yang mesra pengguna sebagai saluran kaunseling dan khidmat nasihat awal kepada mereka yang bermasalah ini untuk meluahkan dan serta mendapatkan pandangan.

Kemudahan itu mungkin ada di JKM namun peranannya tidak meluas dan tertutup dengan perlu membuat temujanji dan prosesnya yang rumit menyebabkan ia kurang menjadi daya penarik kepada mereka yang bermasalah untuk menggunakan saluran itu.



Mayat bayi lelaki dalam pam tandas

SITI NUR MAS ERAH AMRAN

BUTTERWORTH - Mayat bayi lelaki dipercayai lahir tidak cukup bulan ditemui dalam keadaan terduduk dalam pam tandas di Klinik Kesihatan Butterworth, semalam.

la ditemui seorang wanita yang

KAMPUS UOLS



BAYI DIKERAT 15

Menyayat hati... seorang pekerja kontrak menemui anggota mayat bayi dipercayai berusia tujuh bulan yang dikerat-kerat sebelum dibuang dalam toli kumbahan berhampiran PPR Kampus Permai, Johor Bahru, kelmarin.



Bayi dalam tong sampah

CHERAS - Seorang tukang cuci di Terminal Bus Bersepadu Selatan, di sini terkejut apabila menemui mayat bayi perempuan dalam tong sampah tandas wanita di terminal bus itu, malam kelmarin.

Wanita warga Indonesia terbah

menemui bayi malarang itu ketika membersihkan plastik sampah di tandas bersepadu lara-lara jam 11.30 malam.

Dia kemudiannya menyerahkan mayat itu kepada anggota polis di Polis Terminal Bus Bersepadu Selatan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Senior Asisten Fermisane, Gien Yeng Meng berkata,

suatan awal di tempat kejadian mendapati bayi yang malarang tidak mempunyai tanda menggarukan lelasan atau patiti dan dibungkus dengan plastik sampah berwarna biru.

Kita percaya mayat bayi itu dibawa dari tergeletak dan ditinggalkan dalam tandas tersebut. Siasatan juga mendapati ada kesan laka di leher bayi berkesan.

Keratan akhbar mengenai pembuangan bayi.